

Peranan dan keperluan perpustakaan kepada generasi masa depan: perpustakaan desa

ABSTRAK

Selaras dengan perkembangan jaringan ilmu yang semakin pesat, permintaan terhadap maklumat juga semakin meningkat. Perpustakaan luar bandar atau lebih dikenali sebagai Perpustakaan Desa memainkan peranan yang penting terhadap pembangunan masyarakat penduduk luar bandar di seluruh negara supaya mereka berpeluang menikmati kemudahan perpustakaan serta mendapatkan sumber maklumat yang terkini. kertas kerja ini menyatakan kewujudan perpustakaan desa masih relevan pada masa akan datang walaupun dengan ledakan Teknologi Maklumat (IT), ia adalah sebagai suntikan awal untuk anak-anak mencintai ilmu dan menanam budaya suka membaca terutama golongan belia; pemimpin masa depan masyarakat kita. Objektif utama kertas kerja ini adalah untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan perkhidmatan yang disediakan di perpustakaan desa di kalangan belia. Perbincangan kertas kerja ini adalah berdasarkan analisis kajian yang lepas dan analisa dokumen yang berkaitan. Beberapa peranan dan keperluan perpustakaan desa seperti kemudahan dan aktiviti yang bersesuaian dikenalpasti. Turut dibincangkan peranan pustakawan dan cadangan penambahbaikan dalam mengatasi cabaran pada masa kini bagi memberikan perkhidmatan perpustakaan yang lebih baik dan selesa kepada masyarakat yang berada di luar bandar.

Keyword: Rural library; Youth; Information management; Rural development; Malaysia